

## Isu Keagamaan dalam Era Pentadbiran Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), 1967-1976

Alexzender Ginli<sup>1</sup>

*Manuskrip diterima: 9 Ogos 2018*

*Diterima untuk penerbitan: 18 September 2018*

<sup>1</sup> Calon Sarjana di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: alexzenderginli@gmail.com

### Abstract

*Religion is one of the prominent issues during the administration of the United Sabah National Organisation (USNO) party. This is due, by some of the policies implemented by Tun Mustapha. However, the implementation of these policies has caused dissatisfaction amongst the Christians in Sabah. This study will examine religious issues under the leadership of Tun Mustapha, such as the spread of Islam, the abuse of the Security Act, and the Emergency Rule.*

**Keywords:** *religious issues, Christian, USNO, Sabah*

---

### Abstrak

Artikel ini membincangkan isu keagamaan dalam era pentadbiran Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO). Keagamaan merupakan salah satu isu yang menonjol dalam era pentadbiran USNO. Hal ini disebabkan, oleh beberapa dasar yang dilaksanakan oleh Tun Mustapha. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar tersebut telah melahirkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan penduduk beragama Kristian di Sabah. Kajian ini akan meneliti isu keagamaan di bawah pimpinan Tun Mustapha, seperti penyebaran agama Islam, penyalahgunaan Akta Keselamatan, dan Peraturan Kecemasan.

**Kata Kunci:** isu keagamaan, Kristian, USNO, Sabah

---

## **Pengenalan**

Semenjak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, negeri Sabah seringkali terlibat dalam banyak kontroversi yang dilihat sebagai isu kenegerian. Salah satu isu kenegerian yang berlaku di Sabah ialah isu keagamaan. Isu keagamaan ini menonjol semasa pemerintahan kerajaan USNO-SCA di Sabah. Persoalannya, mengapa isu ini berlaku dan apakah faktor yang menyebabkan isu ini berlaku? Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan sumber, seperti buku, surat khabar dan kertas kerja, khususnya untuk merungkai faktor yang mencetuskan isu keagamaan di Sabah ini berlaku pada tahun 1967-1976.

## **Latar Belakang Agama Kristian di Sabah**

Sebelum Persekutuan Malaysia dibentuk, agama Kristian merupakan agama yang dominan di Sabah. Mat Zin (2003) menyatakan pada tahun 1880-an, jumlah pribumi bukan Islam di Sabah adalah meliputi 50 peratus. Manakala penduduk Islam adalah 35 peratus, dan selebihnya adalah penduduk Cina, Jawa dan imigran lain. Sehingga tahun 1960, kaum Kadazandusun dan kaum Murut yang menganut agama Kristian adalah seramai 40,746 orang (Mat Zin, 2003, hlm. 17).

Semasa proses pembentukan Malaysia pula, agama juga merupakan perkara yang dimasukkan ke dalam memorandum Perkara 20, laporan *Inter Government Committee* (IGC), Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Malaysia. Semasa era pentadbiran USNO isu keagamaan menjadi isu kenegerian kerana kebebasan beragama di Sabah dikatakan disekat oleh dasar kerajaan yang diterajui oleh USNO-SCA. Kebebasan yang terhad itu telah menyebabkan parti BERJAYA mahu dasar tersebut diubah dan mahu kerajaan yang bersifat rasis disekat. Dalam hal ini, parti BERJAYA mahu mewujudkan satu sistem pentadbiran yang stabil dengan bersifat *multi-racial*.

## **Isu Keagamaan dalam Pentadbiran USNO-SCA**

Selepas memenangi Pilihan Raya DUN 1967, kerajaan USNO-SCA mentadbir Sabah sehingga tahun 1976. Walau bagaimanapun, kerajaan USNO-SCA terpalit dengan isu kenegerian, khususnya isu keagamaan. Isu keagamaan ini berlaku ekoran dasar menghalang kebebasan beragama di Sabah oleh kerajaan USNO-SCA. Penentangan terhadap dasar tersebut kemudiannya telah memberi kemenangan kepada parti BERJAYA yang ditubuhkan pada 15 Julai 1975 (*Daily Express*, 12 Feb 1976; Sabihah Osman, 2008, hlm. 14). Parti BERJAYA telah menggunakan isu ini dalam

manifesto dengan memperkenalkan konsep *multi-racial*. Pemimpin utama parti BERJAYA, Harris Salleh telah menggunakan akhbar *Daily Express* untuk menyebarkan manifesto parti termasuklah isu keagamaan.

Kebebasan agama yang terhad menyebabkan BERJAYA melancarkan kempen untuk menentang kerajaan USNO-SCA. Parti BERJAYA percaya bahawa kerajaan yang bersifat tidak terbuka terhadap amalan agama, seperti kerajaan USNO-SCA hanya akan menyebabkan kekacauan, gangguan dan berlakunya keganasan (*Daily Express*, 23 March 1976). Jika tidak diatasi perkara tersebut akan mencetuskan ketegangan antara agama. Parti BERJAYA menegaskan untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran yang stabil dan yang bersifat *multi-racial* (*Daily Express*, 23 March 1976). Hal ini kerana, Sabah mempunyai penduduk yang berbeza-beza dari segi agama, etnik, budaya dan nilai. Atas kepentingan ini, kebencian antara satu sama lain perlu diatasi oleh kerajaan yang baik.

Di samping itu, beberapa pemimpin BERJAYA, seperti Pairin Kitingan dan Donald Stephens mahu agama dan etnik tidak dipolitikkan oleh pemimpin politik dan lebih menfokuskan kepada pembangunan Sabah. Perkara ini berlaku selepas Tun Mustapha dan anggota USNO telah menjelajah ke seluruh Sabah dan menyatakan bahawa pemimpin BERJAYA cuba menghancurkan agama Islam di Sabah. Kenyataan ini memperlihatkan agama dieksploitasi oleh Tun Mustapha untuk meraih sokongan pengundi. Dalam hal ini, kenyataan Donald Stephens yang mahu agar isu sensitif tidak dilaungkan untuk meraih sokongan adalah tepat. Harris Salleh dan Peter Mojuntin pula menganggap tindakan Tun Mustapha tersebut sebagai 'Politik Bunuh Diri' (*Daily Express*, 31 Julai 1975).

Seterusnya, tindakan Tun Mustapha yang menyalahgunakan kuasa yang dimiliki oleh beliau sebagai Ketua Menteri telah menyebabkan isu keagamaan ini bertambah buruk (*Daily Express*, 21 Julai 1975). Menurut Saimin Ginsari, dasar Tun Mustapha mengenai agama adalah selaras dengan dasar kerajaan Federal tetapi bertentangan dengan persetujuan dalam pembentukan Malaysia (Saimin Ginsari, 2015, hlm. 285). Di samping itu, terdapat juga dakwaan yang menyatakan kerajaan negeri Sabah memberikan layanan berbeza antara agama Kristian dan agama Islam. Selain itu, pemimpin dan masyarakat Kristian di Sabah juga mendakwa bahawa dasar kerajaan negeri dalam soal keagamaan adalah tidak adil dan hanya mengutamakan perkembangan agama Islam. Manakala mubaligh Kristian dihantar balik ke negara asal mereka (Saimin Ginsari, 2015, hlm. 285).

Salah guna kuasa oleh Tun Mustapha dapat dilihat melalui tindakannya yang menahan setiap individu yang terlibat melalui Akta Keselamatan dan Peraturan Kecemasan (Sta Maria, 1978, hlm. 148). Beliau juga menahan dan menangkap orang Eropah dan memansuhkan permit kerja mereka (Yahya, 1990, hlm. 112) tanpa diberikan alasan yang munasabah. Golongan paderi dan rahib serta mubaligh juga tidak terkecuali daripada ditahan dan diusir oleh Tun Mustapha (Sta Maria, 1978, hlm. 148). Beberapa tindakan yang dilakukan oleh Tun Mustapha termasuklah mengusir mubaligh gereja Basel di Sabah (Yahya, 1990, hlm. 97). Menurut Mat Zin (2003), J. Bius, iaitu Uskup Gereja Katolik Sabah, dan Peter J. Mojuntin, iaitu Pengerusi Majlis Pastoral Gereja di Sabah, mendakwa bahawa Tun Mustapha telah bertindak zalim kerana telah menghalau 41 orang mubaligh Kristian keluar dari Sabah (Mat Zin, 2003, hlm. 104).

Penubuhan *United Sabah Islamic Association* (USIA) pada 14 Ogos 1969 pula dilihat sebagai satu cabaran bagi perkembangan agama Kristian di Sabah. Apok (2005) melihat penubuhan USIA sebagai cabaran kepada perkembangan agama Kristian *True Jesus* di daerah Tamparuli semasa era pentadbiran Tun Mustapha (Apok, 2005, hlm. 77). Matlamat penubuhan USIA adalah untuk menggalakkan dan meningkatkan lagi perkembangan syiar Islam di negeri Sabah. Di samping itu, USIA juga bermatlamat untuk menambah bilangan penganut agama Islam di Sabah. Hal ini kerana, pada masa itu, populasi penduduk Islam adalah rendah berbanding penganut agama lain dan penduduk yang tidak beragama. Selain itu, penduduk beragama Islam pada ketika itu masih ketinggalan dari segi pendidikan dan kekurangan rumah ibadat (masjid dan surau). Dengan alasan ini, timbulnya kesedaran orang Islam di Sabah untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka, terutamanya dalam aspek politik, sosial dan ekonomi. Salah satu pemimpin Sabah yang sedar akan masalah ini adalah Tun Mustapha. Tun Mustapha telah menjalankan usaha untuk menyebarkan agama Islam. Salah satu tindakan awal dalam kegiatan dakwah yang dilakukan oleh Tun Mustapha ialah mempertingkatkan kegiatan berbentuk keagamaan. Tindakan Tun Mustapha ini dilihat sebagai satu ancaman bagi perkembangan agama Kristian di Sabah. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama Kristian di Sabah.

Tun Mustapha juga menggunakan golongan pendakwah Islam dari Semenanjung Malaysia dan India (Yahya, 1990, hlm. 94). Pendakwah tersebut dianggarkan sebanyak dua ribu orang. Mereka menyebarkan

agama Islam dalam kalangan masyarakat peribumi di pedalaman di Sabah. Kesannya, pertubuhan USIA mendakwa telah berjaya mengislamkan 45,000 orang (Apok, 2005, hlm. 78). Kegiatan dakwah yang melibatkan orang perseorangan, pemimpin politik dan agensi kerajaan negeri telah berhasil mengembangkan agama Islam di seluruh Sabah, iaitu meningkatkan jumlah penganut agama Islam secara drastik. Peratusan penduduk yang menganuti agama Islam meningkat daripada 31 peratus kepada 52 peratus. Sehingga bulan Mei 1974, USIA berjaya telah meningkatkan jumlah penganut baharu agama Islam, iaitu sebanyak 93,000 orang (Yahya, 1990, hlm. 82). Kejayaan USIA dapat dilihat melalui pengislaman penduduk di beberapa kawasan di Sabah. Contohnya, pengislaman penduduk di Pitas pada 18 Mei 1970. Seramai 35 orang Cina telah memeluk agama Islam (*Kinabalu Sabah Times*, 22 Mei 1970). Selain itu, terdapat juga Orang Sungai yang memeluk agama Islam, berjumlah 35 orang (*Kinabalu Sabah Times*, 22 Mei 1970).

Sta Maria dalam bukunya *Peter J. Mojuntin: The Golden Son of Kadazan* menyatakan beberapa tindakan pentadbiran Tun Mustapha yang menindas penganut agama Kristian di Sabah melalui pelaksanaan dasar pengislaman beramai-ramai. Tindakan tersebut adalah, seperti pengusiran rahib serta paderi di Sabah. Sta Maria (1978) melaporkan beberapa contoh tindakan penindasan yang dilakukan oleh pentadbiran Tun Mustapha;

*There was also an incident at Kuala Penyu where the Parish Priest Fr. Frediricks of St. Peter's Church refused to comply with the directives of the immigrations authorities. He was arrested and removed from his office to the waiting Black Maria. (Sta Maria, 1978, hlm. 144)*

*In other incident, the Parish Priest of the Catholic Church in Ranau was suddenly issued with orders to leave Sabah. Catholic of that Parish representative, Datuk Ghani Gilong, seeking his assistance to nullify the deportation order. Despite the intervention of Datuk Ghani Gilong, the Parish Priest was compelled to leave Sabah (Sta Maria, 1978, hlm. 143).*

*Those who can recollect still remember the case of the Parish Priest at Papar Catholic Church. Over a slight disagreement with an assistant District Officer he was*

*issued with deportation orders by the Immigration Authorities (Sta Maria, 1978, hlm. 143).*

*Several other Priests who refused to comply with the dictates of the authorities were similarly removed and locked up in jail, awaiting deportation. There were no less than 8 Priests that were jailed at one time or other (Sta Maria, 1978, hlm. 144).*

Walau bagaimanapun, laporan Sta Maria tersebut mendapat kritikan, iaitu dari sudut pandangan yang berbeza. Menurut Yahya Muhammad (1990), tindakan Tun Mustapha mengusir paderi dan rahib asing pada ketika itu adalah untuk mengikis pandangan dan mentaliti penjajah sama ada dalam agama dan politik di Sabah. Tun Mustapha menyedari urusan agama Kristian di Sabah seharusnya dipikul oleh paderi dan rahib tempatan (Yahya, 1990, hlm. 82). Tun Mustapha telah menggunakan Akta Keselamatan dan Peraturan Kecemasan untuk mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan beberapa orang paderi asing di Sabah (Yahya, 1990, hlm. 95).

**Jadual 1: Senarai Paderi Asing yang Terbabit**

<b>Nama Paderi</b>	<b>Tarikh Ditamatkan</b>
Joseph Hass	14 Mei 1972
Patrick J. McDonald	21 Mei 1972
Anton G. Lampe	17 Mei 1972
John T. Tijsen	24 April 1972
Lambert J.G. Visschedujk	27 Februari 1972
Johannes A.A.	16 Januari 1972
Van Gastel Wilhelmus	1 Julai 1972
Francis W. Frerichs	12 Jun 1972
Johannes H.	23 Disember 1971

(Sumber: Yahya, 1990, hlm. 96)

Menurut Mat Zin pula, tindakan Tun Mustapha untuk menghalau atau mengusir para mubaligh, paderi dan rahib adalah berasaskan kepada peraturan yang telah wujud sejak zaman SBUB lagi, iaitu *The Supervision of Alien Missionaries Ordinance No. 3 of 1919* (C.O. 874/466), yang selaras dengan Fasal 5 Akta Imigresen 1963 untuk Sabah dan Sarawak (Mat Zin, 2003, hlm. 104). Beliau juga menyatakan bahawa para mubaligh tidak dihalau, tetapi permit mereka untuk tinggal di Sabah tidak diperbaharui apabila telah tamat dan mereka diminta supaya meninggalkan Sabah (Mat

Zin, 2003, hlm. 104). Selain itu, Mat Zin juga menyebut bahawa terdapat tiga mubaligh asing, iaitu Paderi Dapoz, Paderi Clementi, dan Paderi Pryedea yang memenuhi syarat imigresen pada ketika itu. Mereka telah dibenarkan untuk tinggal di Sabah dan mendapat taraf permastautin tetap (Mat Zin, 2003, hlm. 104).

Di samping itu, tindakan Tun Mustapha yang mengarahkan para mubaligh untuk meninggalkan Sabah sebaliknya memberikan kebaikan kepada perkembangan gereja di Sabah (Mat Zin, 2003, hlm. 105). Dengan kata lain, tindakan tersebut akan dapat membantu meningkatkan jumlah mubaligh tempatan di Sabah. Walau bagaimanapun, wujud kerisauan daripada penduduk tempatan, terutamanya berkaitan dengan gerakan pendakwaan yang akan menghadapi kesukaran ekoran tindakan tersebut. Penduduk tempatan yang berpendidikan sekolah menengah, khususnya yang berada di Tingkatan 4-6 serta ahli gereja juga mula sedar akan tanggungjawab untuk membantu gereja masing-masing dari segi material, tenaga dan moral agar agama Kristian dapat terus berkembang di Sabah.

Tindakan Tun Mustapha yang mengusir para mubaligh, paderi dan rahib asing telah menyebabkan pemimpin Kristian tertinggi di Sabah ketika itu, iaitu Bishop Buis telah meletakkan jawatan. Beliau telah diganti oleh Paderi Peter Chung yang berasal dari Miri, Sarawak. Namun begitu, masalah permit yang tidak diluluskan oleh kerajaan di pentadbiran Tun Mustapha telah menyebabkan beliau berpindah balik ke Sarawak. Tindakan pentadbiran Tun Mustapha itu juga telah menyebabkan Peter Mojuntin menentang dasar kerajaan pimpinan Tun Mustapha, yang dinilainya sebagai anti-Kristian dan menyekat kebebasan beragama (Yahya, 1990, hlm. 98). Beliau meluahkan rasa tidak puas hatinya dalam satu ucapan pada ketika memimpin upacara Misa Ahad di sebuah gereja di Penampang. Beliau tidak bersetuju dengan tindakan pendakwah USIA yang menawarkan pangkat, kedudukan dan harta kepada masyarakat bukan Islam di Sabah agar meninggalkan agama asal dan memeluk agama Islam. Beliau menganggap tindakan tersebut sebagai melanggar prinsip Rukun Negara, Perlembagaan Malaysia, dan Memorandum 20 Perkara. Selain itu, terdapat juga dakwaan bahawa Tun Mustapha mengugut untuk memenjara dan merampas tanah masyarakat bukan Islam yang menganut agama Kristian (Yahya, 1990, hlm. 98).

Peter Mojuntin juga telah menghantar surat kepada Tun Mustapha yang bertajuk *The Case of the Very Unhappy Christians and Other Non-Bumiputera in Sabah*. Dalam surat tersebut, Peter Mojuntin mengecam

polisi diskriminasi agama yang dipraktikkan oleh kepimpinan negeri (Yahya, 1990, hlm. 100). Di samping itu, beliau juga tidak menyenangi tindakan penamatan pas kerja dan sijil tetap para paderi asing, serta penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada 26 April 1972. Beliau turut menyatakan bahawa, agama Islam dan Kristian adalah sama, iaitu sebagai agama universal yang wajar diberikan hak masing-masing (Yahya, 1990, hlm. 98).

Peter Mojuntin juga telah menghantar surat kepada Tun Abdul Razak. Kandungan surat tersebut antaranya menyatakan mengenai diskriminasi agama yang dilakukan oleh kerajaan USNO-SCA dalam bidang ekonomi, perkhidmatan awam, dan mendakwa etnik Kadazandusun dilayan seperti bumiputera kelas kedua melainkan menjadi ahli USIA. Peter Mojuntin turut mendakwa bahawa diskriminasi agama juga berlaku dalam pendidikan apabila guru dari sekolah kerajaan dilarang membuat upacara keagamaan. Beliau juga membantah tindakan menapis filem berunsurkan keagamaan Kristian melainkan pada musim perayaan (Ginsari, 2015, hlm. 292). Peter Mojuntin mendakwa bahawa Tun Mustapha telah mengugut untuk memenjara dan merampas tanah masyarakat Kadazandusun yang menganut agama Kristian (Mat Zin, 2003, hlm. 104).

Namun segala dasar pentadbiran Tun Mustapha dilihat mempunyai alasan tersendiri. Beliau mahu mengubah, menjamin kesejahteraan, keteguhan bangsa dan negara (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 96). Dalam satu ucapan, Tun Mustapha mengatakan;

...kerana negara kita di rantau ini dulunya mempunyai satu asal-usul, tidak saja satu kebudayaan tetapi juga satu agama. Tetapi kedatangan penjajah Barat maka kita dipecah-pecahkan dan sebahagian daripada kita dipaksa menganut agama mereka, maka tidak ada sebabnya yang kita tidak boleh berhimpun semula sebagai satu rumpun, satu kaum dan satu keturunan, kerana kita menitikberatkan kepada perpaduan dan khasnya kepada keamanan, maka tidak ada jalan lain untuk mengubah dan menjamin kesejahteraan dan keteguhan bangsa dan negara kita melainkan dengan jalan satu bahasa, satu kebudayaan dan satu agama (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 96).



Dalam hal ini, Tun Mustapha yang merupakan Ketua Menteri pada ketika itu berusaha untuk merealisasikan dasar satu bahasa, satu kebudayaan dan satu agama (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 96). Tambahan lagi dalam menjalankan tugas, beliau tidak mengenal tolak ansur dalam agama. Misalnya, tidak boleh diberi toleransi, tidak bertolak ansur dalam dasar, dan tidak bertolak dalam perlembagaan serta undang-undang. Tun Mustapha berpendapat sedemikian dengan alasan bahawa tindakan pemimpin dunia yang bertolak ansur hanya akan menyebabkan negara mereka hancur (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 96-97). Beliau juga menyatakan bahawa semasa kerajaan Perikatan (USNO, SCA, UPKO) mentadbir, tidak ada perkembangan yang menjurus kepada perpaduan dan rakyat masih berpecah belah (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 97). Perkara ini dapat dilihat melalui satu kenyataan beliau;

Sejak dari hari Sabah merdeka menerusi Malaysia sampai ke saat ini, Kerajaan Perikatan telah membuat berbagai-bagai macam usaha, memberi berbagai-bagai macam kemudahan kepada semua rakyat tanpa mengira keturunan dan agama, tetapi ternyata kesannya tidak begitu memuaskan, tidak begitu tepat dengan apa yang diharapkan. Rakyat masih berpecah belah, perasaan muhibbah hanya terdapat dalam ucapan saja, tidak dalam praktek. Sebab masing-masing rakyat itu masih kuat dengan tradisi darah keturunannya. Oleh sebab itu pada pendapat saya tidak ada jalan lain yang lebih efektif dan praktikal selain daripada ikatan melalui agama dan agama yang paling demokratis ialah agama Islam. Dalam Islam semua orang itu bersaudara dan ikatan persaudaraan itu akan timbul dengan sendirinya, apabila orang itu ada dalam ikatan satu agama (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 78).

Tun Mustapha juga menyebut bahawa Islam adalah agama yang sejahtera, agama yang selamat, agama yang menghubungkan antara manusia dengan Tuhan yang menciptakan alam, langit dan bumi. Beliau menyatakan sedemikian semasa upacara pengislaman beramai-ramai di Tuaran (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 97). Dalam usaha mengembalikan syair Islam di Sabah, Tun Mustapha telah mewujudkan USIA pada tahun 1969, untuk mewujudkan persatuan dakwah yang kuat dan besar (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 98). Menerusi semangat persaudaraan dalam Islam dan perikemanusiaan, Tun Mustapha telah membenarkan kira-kira 17,000 orang pelarian yang berasal dari Selatan Filipina untuk

masuk ke Sabah (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 100). Namun wujud tanggapan dan tuduhan terhadap Tun Mustapha yang dikatakan mempunyai tujuan untuk memberikan perlindungan kepada pelarian tersebut atas alasan menyokong golongan separatis di Selatan Filipina (Abdullah Hussain, 1976, hlm. 96; Tilman, 1976, hlm. 501). Tun Mustapha bukan sahaja telah membenarkan pelarian tersebut memasuki Sabah tetapi juga memberikan pekerjaan kepada mereka (Tilman, 1976, hlm. 499). Situasi ini menyebabkan Presiden Filipina pada ketika itu, iaitu Marcos Alonso tidak bersetuju dengan tindakan Tun Mustapha sehingga hubungan di antara mereka rengang, sebaliknya telah memudahkan kerajaan Persekutuan mengeratkan hubungan dengan Manila. Dasar pentadbiran Tun Mustapha terhadap pelarian dari Selatan Filipina juga telah menyebabkan hubungan kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri Sabah dibawah pentadbiran Tun Mustapha tidak sehaluan pada ketika itu (Tilman, 1976, hlm. 501).

Secara ringkasnya, peningkatan jumlah penganut agama Islam di Sabah, iaitu dari 37 peratus kepada 53 peratus mengukuhkan peluang Tun Mustapha untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi Sabah (Yahya, 1990, hlm. 101). Tun Mustapha mahu menjadikan Islam sebagai agama rasmi Sabah pada tahun 1973. Seterusnya MUIS telah membantu dalam menyelaraskan pentadbiran Islam di Sabah seperti tarikh puasa, bayaran dan pungutan zakat dan pendidikan agama. Atas usaha USIA dan MUIS, Dewan Perundangan Negeri Sabah telah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi di Sabah pada 27 September 1973. Pada tahun tersebut, kerajaan Negeri Sabah telah meminda Akta 5A dalam Perlembagaan Negeri Sabah yang menetapkan Islam sebagai agama rasmi (Ginsari, 2015, hlm. 300).

Walau bagaimanapun, dalam proses pengislaman beramai-ramai yang dilaksanakan, beberapa polisi yang digunakan oleh Tun Mustapha untuk menarik masyarakat peribumi Sabah supaya menganuti agama Islam tidak dipersetujui oleh banyak pihak sehingga menyebabkan ianya menjadi isu kritikan pada ketika itu. Tun Mustapha bertindak menahan dan menangkap paderi dan rahib asing dengan menggunakan akta keselamatan dalam negeri, mengugut penganut bukan-muslim, dan menawarkan pangkat, kedudukan, harta agar meninggalkan agama asal (Yahya, 1990, hlm. 96-102). Suasana di Sabah diwarnai oleh perselisihan antara agama telah menyebabkan kebangkitan parti BERJAYA untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran yang stabil yang bersifat *multi-racial* (*Daily Express*, 23 March 1976).

### Kesimpulan

Isu keagamaan adalah salah satu masalah sekatan kebebasan beragama di Sabah semasa era pentadbiran kerajaan USNO-SCA. Pelbagai cara, seperti menahan individu dengan menggunakan Akta Keselamatan dan Peraturan Kecemasan, melaksanakan dasar pengislaman beramai-ramai, dan menindas penganut agama Kristian. Pentadbiran kerajaan Sabah pada ketika itu, diketuai oleh Tun Mustapha mencetuskan perasaan tidak puas hati dalam kalangan penganut agama Kristian. Salah tokoh pemimpin, Peter Mojuntin telah bangkit menentang dasar pentadbiran Tun Mustapha. Namun Tun Mustapha mempunyai alasan tersendiri dalam setiap tindakan yang diambil, khususnya untuk mengubah, menjamin kesejahteraan, keteguhan bangsa dan negara. Di samping itu, Tun Mustapha juga mahu urusan agama Kristian di Sabah dipikul oleh paderi dan mubaligh tempatan.

### Rujukan

*Daily Express*

*Kinabalu Sabah Times*

Abdullah Hussain. 1976. *Tun Datu Mustapha Bapa Kemerdekaan Sabah*. Kuala Lumpur: M.F.I.

STA Maria, B. 1978. *Peter J. Mojuntin: The Golden Son of the Kadazan*. Seremban: Chang Litho Press Sdn. Bhd.

Abney, G. dan Lauth, T. P. 1988. Parochialism in the State Appropriations Process. *State & Local Government Review Review*. Vol. No. 3 (Autumn). Hlm. 113-118.

Willis, I. 2008. Democracy in Place: Parochial Politics and the 2008 Local Government Election. *Australian Quarterly*. Vol. 80. No. 6 (Nov.-Dec.). Hlm, 4-9.

Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tilman, R. O. 1976. Mustapha's Sabah 1968-1975: The Tun Steps Down. *Asian Survey*, Vol. 16, No. 6 (June). Hlm. 495-509.

Ginsasri, S. 2015. Hubungan Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri Sabah 1963-1985. *Thesis PhD*. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Yahya Muhammad. 1990. Perkembangan Ugama Kristian di Sabah Setelah Merdeka: Sorotan Pada Zaman-zaman Kerajaan Parti Perikatan USNO-SCA, Kerajaan Parti BERJAYA dan Kerajaan Parti PBS. *Latihan Ilmiah*, Jabatan Pengajian dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.